



**UCAPAN
BELANJAWAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
TAHUN 2023**

**DATUK SERI MAHADI CHE NGAH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

Tarikh : 4 Januari 2023
Masa : 10.00 AM
Lokasi : Bilik Mesyuarat Lembaga,
Tingkat 29

Bismillahirrahmannirrahim.

YBhg. Datuk Town Planner Sulaiman Mohamed,
Pengarah Eksekutif Perancangan,

YBhg. Datuk Haji Azmi Abdul Hamid,
Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-
Ekonomi,

YBhg. Datuk Sr. Kamarulzaman Mat Salleh,
Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek,

YBrs. Encik Khairul Anuar Mhd. Juri,
Pengarah Eksekutif Pengurusan,

Pengarah - Pengarah Jabatan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur,

Rakan-rakan media,

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, hadirin
sekalian,


Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnia-Nya dapat kita hadir dalam sesi sidang media Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tahun 2023.
2. Sesungguhnya, kebaikan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur merupakan keutamaan DBKL. Setiap program yang kami jalankan sama ada untuk tujuan pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan atau perkhidmatan perbandaran dilaksanakan demi kebaikan warga kota. Ini membawa kita kepada pembentangan Belanjawan DBKL untuk tahun 2023.
3. Sebagai organisasi yang mentadbir bandar raya Kuala Lumpur, DBKL sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan, kebaikan dan kesejahteraan warga kota.
4. Demi memastikan DBKL dapat merangka perkhidmatan yang bakal dilaksanakan dengan lebih baik, kami telah membuka ruang untuk pihak berkepentingan dan

warga kota mengemukakan idea dan cadangan melalui Portal Idea Belanjawan 2023.

5. Dengan sumbangan anda, saya yakin Belanjawan 2023 ini membolehkan DBKL memenuhi keperluan warga kota dengan lebih efektif.

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan,

- 
6. DBKL telah menyediakan Belanjawan 2023 dengan peruntukan sebanyak **RM2.604 bilion**, di mana **RM1.96 bilion** atau **75.3%**, telah diperuntukkan untuk **Mengurus**, manakala **Peruntukan Pembangunan** adalah berjumlah **RM643.7 juta** atau **24.7%**.
 7. Secara keseluruhannya, ini merupakan penurunan sebanyak **3.7%** berbanding Belanjawan tahun 2022 yang telah memperuntukkan sebanyak **RM2.704 bilion**.

8. Peruntukan Mengurus DBKL tertumpu pada lima (5) komponen utama iaitu;
 - Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **RM1.277 bilion** atau **65.2%**,
 - Bayaran Lebih Masa berjumlah **RM64.6 juta** atau **3.3%**,
 - Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja berjumlah **RM497.7 juta** atau **25.4%**,
 - Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **RM99.2 juta** atau **5.0%**, dan
 - Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain berjumlah **RM21.7 juta** atau **1.1%**.
9. Daripada lima komponen ini, peruntukan untuk Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja telah meningkat sebanyak 2.1%, Perkhidmatan & Bekalan telah meningkat sebanyak 0.2% dan Pemberian & Kenaan Tetap telah meningkat sebanyak 6%. Peruntukan untuk Bayaran Lebih Masa dan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain pula telah menurun, masing-masing sebanyak 1.3% dan 1.0%.
10. Peruntukan Pembangunan pula terdiri daripada dua bahagian iaitu:

- Peruntukan Pembangunan Pembiayaan DBKL berjumlah **RM540.7 juta** atau **84.0%**, dan
 - Peruntukan Pembangunan Pembiayaan kerajaan dan lain-lain sebanyak **RM103.0 juta** atau **16.0%**.
11. Antara lain, Peruntukan Pembangunan Pembiayaan Kerajaan sebanyak RM103 juta ini adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan program NKEA Greater KL/KV.
12. Secara umumnya, **anggaran Hasil** DBKL dijangka akan menurun sebanyak **9.4%** daripada **RM2.298 bilion** pada tahun 2022 kepada **RM2.082 bilion** pada tahun 2023.
13. Antara yang menyumbang kepada penurunan ini termasuk hasil kawalan binaan dan perancangan yang dijangka akan menurun sebanyak **RM209.2 juta** atau **48.3%** kepada **RM224.3 juta** pada tahun 2023 berbanding **RM433.5 juta** pada tahun 2022.

14. Sebaliknya, hasil utama DBKL yang terdiri daripada hasil cukai taksiran berjumlah **RM1.370 bilion** atau **65.8%** daripada jumlah keseluruhan hasil, dijangka akan meningkat sebanyak **RM10 juta** atau **0.7%** berbanding tahun 2022.
15. Berdasarkan anggaran Belanjawan DBKL yang termasuk Mengurus dan Pembangunan serta anggaran hasil yang telah menurun tersebut, Belanjawan DBKL 2023 mengalami defisit berjumlah **RM418.8 juta**.
16. Sepertimana yang disebutkan tadi, kesejahteraan dan kebajikan warga kota adalah keutamaan DBKL. Justeru, DBKL masih menyediakan Belanjawan 2023 yang besar walaupun anggaran hasil DBKL telah menurun sebanyak **9.4%**. Ini telah menyebabkan Belanjawan 2023 mengalami defisit yang lebih besar berbanding Belanjawan 2022.

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Selari dengan usaha-usaha DBKL untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Kuala Lumpur, Belanjawan DBKL 2023 adalah bertemakan ***“Bandar Raya Mampan, Sejahtera Bersama.”***
18. Tema ini mencerminkan komitmen DBKL terhadap pemerkaasan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang mampan dan inklusif. Dengan peruntukan yang disediakan ini, kami akan menggandakan usaha untuk mencapai objektif ini, demi kesejahteraan warga kota.
19. Perubahan iklim atau *climate change* adalah antara isu utama yang dihadapi dunia pada masa kini. Perubahan iklim merupakan fenomena yang nyata dan sudah terbukti dari segi saintifik. Malah, perubahan iklim sudah pun mula menjelaskan kehidupan kita semua.
20. Ternyata bahawa menangani impak perubahan iklim pada hari ini dan masa

akan datang merupakan antara cabaran terbesar dalam usaha kita untuk mengekalkan kelestarian ibu negara Malaysia.

21. Hakikatnya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengatasi cabaran ini. DBKL juga telah mengambil pelbagai langkah yang proaktif untuk menghijaukan Kuala Lumpur demi melindunginya daripada ancaman perubahan iklim.
22. Sebagai langkah tambahan, DBKL turut menyediakan dana perubahan iklim pada tahun 2023 bagi melaksanakan program atau projek mitigasi dan adaptasi perubahan iklim dengan lebih bersungguh-sungguh.
23. Sebagai permulaan, sebanyak **RM2 juta** dana perubahan iklim diperuntukkan daripada peruntukan mengurus dan **RM5 juta** diperuntukkan daripada peruntukan pembangunan.

24. Pelepasan karbon yang tinggi merupakan punca utama perubahan iklim.
25. Justeru, DBKL terus komited merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon dalam tahun 2030 dan mencapai bandar karbon neutral menjelang tahun 2050. Dalam hal ini, DBKL mensasarkan suhu bandar raya yang lebih rendah dalam 10 tahun akan datang.
26. Oleh itu, inisiatif-inisiatif untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon akan diteruskan pada tahun 2023. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan pada penjimatan tenaga elektrik, pengurangan penggunaan kenderaan persendirian, pengurusan sampah yang efisien dan pengurusan sisa industri.
27. Bagi tujuan penjimatan tenaga elektrik, DBKL akan terus menerokai projek-projek dengan penggunaan tenaga guna semula (*renewable energy*), penggunaan peralatan kecekapan tenaga (*energy efficient*

equipment) dan melaksanakan ubahsuai atau *retrofitting* bangunan-bangunan lama.

28. Dalam usaha *to regenerate and rejuvenate* ibu negara, lukisan-lukisan mural dan cat semula bangunan-bangunan lama sedang dan akan dilaksanakan. Lokasi yang dikenalpasti merupakan laluan utama yang menghubungkan kepada bangunan ikonik di sekitar pusat bandar iaitu seperti Menara TRX dan Menara Merdeka 118. Manakala *pocket parks* di kawasan pusat bandar akan dihubungkan dengan jaringan hijau (*green connectors*).
29. Bagi mengurangkan pelepasan asap kenderaan di Kuala Lumpur pula, DBKL akan terus menyokong usaha-usaha untuk menggalakkan warga kota menggunakan pengangkutan awam dengan menyediakan bas elektrik GOKL secara percuma, menggunakan bio-diesel yang dikitar semula daripada minyak masak yang telah digunakan, dan penggunaan kemudahan *Park & Ride* yang telah dan akan disediakan. DBKL juga merancang untuk

memperkenalkan bas elektrik GOKL bersaiz lebih kecil bagi memudahkan pergerakan terutamanya di laluan-laluan di kawasan kediaman luar pusat bandar yang sempit. Dalam konteks penggunaan pengangkutan awam, terdapat seramai 800 kakitangan DBKL dalam tahun 2022 yang menggunakan pengangkutan awam untuk berulang-alik ke tempat kerja. Dan ini telah menurunkan sebanyak 3,000 tan CO₂.

30. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, DBKL adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama menggunakan bas elektrik paling banyak di Malaysia. Malah, baru-baru ini, DBKL telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) dalam hal ini.
31. Di samping itu, beberapa projek laluan basikal turut diteruskan pada tahun 2023 seperti projek laluan basikal bagi meningkatkan *green and blue connectivity* di beberapa kawasan di Kepong, Taman Tun Dr. Ismail, tasik-tasik di bahagian utara Kuala Lumpur dan di kawasan hotspot

banjir seperti di Bangsar, Brickfields dan juga di kawasan Bukit Jalil. Seharusnya dalam tahun 2023 ini, kita telah mula melihat *visibility* adanya penduduk Kuala Lumpur mula berulang-alik berbasikal ke tempat kerja.

32. DBKL juga akan melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar dan program kitar semula bagi mengurangkan karbon yang dilepaskan daripada sampah dan sisa industri.
33. Penanaman pokok secara aktif telah dilaksanakan oleh DBKL bagi menurunkan suhu bandar raya Kuala Lumpur. Hasilnya, sebanyak 128,333 pokok telah ditanam sejak tahun 2011 dan projek tanaman pokok ini akan diteruskan pada tahun 2023. Atas inisiatif ini, suka saya melihat telah ada di tahun 2023, suhu di kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur telah mula turun.
34. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh DBKL ini, ia pada hari ini telah menyumbang kepada pengurangan karbon di Kuala

Lumpur. Sebanyak 2.1 juta tan CO₂ telah berjaya diserap oleh 128,333 pokok yang telah ditanam tersebut.

35. Sebanyak 592,000 tan CO₂ pula telah berjaya dikurangkan hasil daripada usaha-usaha DBKL yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan 2022. Sebagai contoh, pengurangan penggunaan tenaga elektrik di Bangunan Menara DBKL 1, pengurangan sampah kesan dampak pada program kesedaran alam sekitar dan kitar semula yang dilaksanakan dan pengurangan pengeluaran asap kenderaan menerusi penggunaan pengangkutan awam bas GOKL serta LRT dan MRT.
36. Selain itu, sebanyak 68,000 tan CO₂ telah berjaya dikurangkan hasil daripada inisiatif pemasangan solar panel PV di Kuala Lumpur sejak tahun 2017.
37. Bagi memastikan usaha-usaha ini diteruskan, sebanyak **RM48 juta** telah diperuntukkan pada tahun 2023 bagi mencapai sasaran menurunkan 70% karbon

menjelang tahun 2030 dan menjadi bandar neutral karbon menjelang tahun 2050.

38. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada tekanan ekonomi global. Justeru, kenaikan harga barang dan kos sara hidup tidak boleh dielakkan dan telah memberi kesan kepada kualiti kehidupan warga kota.
39. Peningkatan kos sara hidup ini telah menyebabkan isu miskin bandar yang semakin serius.
40. Perbezaan dari segi kos sara hidup antara bandar raya Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain di Malaysia juga adalah sangat ketara.
41. DBKL mengambil langkah untuk menyokong ekonomi negara dan mencipta peluang pekerjaan dengan menyediakan kemudahan dan infra yang mesra perniagaan, memudahkan proses kelulusan permit, kebenaran pembangunan dan lesen

perniagaan serta menyediakan pusat-pusat penjaja yang kondusif untuk perniagaan.

42. Kami juga menggalakkan pihak komuniti setempat untuk bekerjasama dengan rakan kongsi LA21 bagi melaksanakan program *urban farming* yang boleh meningkatkan ekonomi penduduk setempat.
43. Selain itu, DBKL telah mengorak langkah dengan melaksanakan inisiatif *waste to cash* bagi membantu golongan sasaran. Program yang berkenaan dikenali sebagai Program 1Community 1Recycle (1C1R) bagi warga kota, terutamanya penduduk Perumahan Awam dan penduduk Projek Perumahan Rakyat. Menerusi program ini, golongan tersebut dapat menukarkan barangkitar semula mereka dengan bayaran sewa rumah. Setakat Oktober 2022, sebanyak 0.1% daripada hasil sewa Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat merupakan hasil daripada *collection* melalui program 1C1R ini.

44. Sokongan ekonomi ini diharapkan akan membantu mengurangkan pendedahan warga kota kepada tunggakan cukai taksiran, sewa dan sebagainya.
45. Sejak permulaan pandemik COVID-19, DBKL telah melaksanakan pelbagai inisiatif bantuan untuk menyokong warga kota, terutamanya golong peniaga dan penjaja.
46. DBKL akan meneruskan usaha-usaha tersebut untuk meningkatkan ekonomi penjaja di Kuala Lumpur, lantas membantu untuk membolehkan mereka menghadapi keadaan ekonomi negara yang kekal mencabar.
47. Belanjawan 2023 telah memperuntukkan sebanyak **RM54.3 juta** untuk pengurusan penjaja, termasuk **RM23.8 juta** yang diperuntukkan daripada peruntukan mengurus dan **RM30.5 juta** daripada peruntukan pembangunan.
48. Melalui peruntukan mengurus tersebut, pusat-pusat penjaja dan pasar akan

diselenggara secara berkala bagi memastikan ianya berada dalam keadaan yang bersih dan selesa. Di samping itu, program-program pembangunan usahawan dan penjaja serta pengajuran bazar-bazar perayaan akan terus dilaksanakan pada tahun 2023 bagi meningkatkan ekonomi penjaja-penjaja di Kuala Lumpur.

49. Bagi peruntukan pembangunan pula, beberapa projek pembinaan pusat-pusat penjaja sedang dilaksanakan seperti Pusat Penjaja Bazaria Genting Klang, Pembangunan Pasar Chow Kit, dan Pusat Penjaja Pekan Sungai Besi. Pada masa yang sama, beberapa pusat penjaja sedia ada seperti pusat penjaja di sekitar kawasan Jalan Melayu dan Jalan Nagasari dan Pusat Penjaja Sri Permaisuri juga akan dinaiktaraf, dan penggantian lif sedang dilaksanakan di Pasar Moden TTDI, Keramat Mall serta UTC Sentul.
50. Demi menyahut usaha menyemarakkan ekonomi negara dan membantu perkembangan ekonomi penduduk Kuala

Lumpur, DBKL telah menyediakan Pelan Tindakan Kebersihan dan Kecantikan bagi mengurus dan menyusun semula penjaja-penjaja di Kuala Lumpur. Usaha ini dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negara ke Kuala Lumpur dan secara langsung membantu meningkatkan pendapatan golongan penjaja di Kuala Lumpur.

(Slide 13: Lesen dan Permit)

51. Antara usaha lain yang dilaksanakan oleh DBKL termasuk menaiktaraf Sistem eLesen bagi mempercepatkan proses permohonan semua lesen perniagaan di WPKL.
52. Kini, permohonan lesen premis perniagaan dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dan prestasi penggunaan secara dalam talian oleh pengguna telah mencapai 90%.
53. Secara keseluruhannya, proses permohonan e-Lesen ini telah berjaya

dipercepatkan dan kini hanya mengambil masa selama 1 hari sahaja.

54. DBKL terus menyediakan peruntukan yang besar pada tahun 2023 bagi membentuk Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang lestari dan mampan.

Di bawah skop kelestarian bandar, sebanyak **RM516.2** juta telah diperuntukkan pada tahun 2023. Peruntukan ini merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan bandar serta pelaksanaan projek-projek pengindahan bandar.

55. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM465.4** juta daripada peruntukan mengurus telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembersihan, kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan landskap, penyelenggaraan taman-taman awam, penyelenggaraan lampu jalan dan lampu hiasan, pengindahan bangunan warisan dan ikonik serta penyelenggaraan jalan, lorong dan jejabat.

56. Di samping itu, sebanyak **RM50.8 juta** turut diperuntukkan daripada peruntukan pembangunan untuk melaksanakan projek-projek pengindahan dan naik taraf jalan-jalan utama dan laluan pejalan kaki, kerja-kerja naik taraf *Quick Win*, pengindahan kawasan di setiap kawasan parlimen, pengindahan sungai di bawah *River Of Life* (ROL), projek pencahayaan ruang perbandaran serta kerja naik taraf landskap, taman-taman awam dan *pocket park*. Kesemua projek ini dilaksanakan berlandaskan ciri-ciri rendah karbon dan biodiversiti.
57. Peruntukan di bawah program pengurusan lalu lintas berjumlah **RM266.4 juta** pada tahun 2023 jelas membuktikan komitmen DBKL kepada mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.
58. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **RM162.7 juta** daripada peruntukan pembangunan telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek pembinaan

jalan raya bertingkat, pelebaran jalan dan pembinaan sambungan jalan.

59. Antara projek-projek tersebut adalah projek Peningkatan dan Pelebaran Jalan di Jalan Yew dan Jalan Sungai Besi dengan peruntukan berjumlah **RM20 juta**, projek Mempertingkatkan Persimpangan Bertingkat di Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru) Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan Jalan Sekitar Kuala Lumpur dengan peruntukan berjumlah **RM14 juta**, projek Membina Jalan Segambut dari Jambatan KTM hingga ke Jalan Mont Kiara dengan peruntukan berjumlah **RM7 juta** serta projek pemberian dan pengisaran dan penurapan semula jalan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjumlah **RM57.3 juta**.
60. Di samping itu, DBKL turut menyediakan peruntukan mengurus berjumlah **RM103.7 juta** bagi program pengurusan lalu lintas.
61. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, sebanyak 5,000 CCTV telah dipasang

di lokasi-lokasi strategik di sekitar Kuala Lumpur untuk memantau kesalahan trafik seperti kesalahan *parking* dan kerja-kerja pemunggahan barang yang tidak dibenarkan. Juga memantau kemalangan di atas jalanraya. Hasilnya, paparan maklumat boleh ubah (*Variable Message Sign*) serta kawalan lampu isyarat di Kuala Lumpur kekal lancar dan terkawal.

62. DBKL turut menitikberatkan elemen kualiti kehidupan dan kesejahteraan warga kota yang menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalani kehidupan di ibu negara. Oleh itu, Belanjawan 2023 telah memperuntukkan sebanyak **RM126.8 juta** bagi tujuan pembangunan dan kesejahteraan komuniti warga kota.
63. Sebanyak **RM77.8 juta** daripada peruntukan mengurus telah diperuntukkan untuk program-program pembangunan komuniti, bas sekolah percuma, sambutan hari perayaan, pengurusan gelandangan, serta program pendidikan dan perpustakaan.

64. Selain itu, DBKL juga menyediakan peruntukan berjumlah **RM49 juta** daripada peruntukan pembangunan bagi tujuan penyediaan perumahan yang lebih selesa untuk penduduk asal Perumahan Awam Sri Pahang, pembinaan perpustakaan dan dewan komuniti serta penambahbaikan dewan serba guna yang sedia ada.
65. Kualiti kehidupan dan kesejahteraan warga kota juga berkait rapat dengan rumah kediaman yang selesa dan mampu disewa oleh warga kota.
66. Bagi memastikan perkara tersebut, DBKL telah mula membina enam projek rumah majlis yang selesa dan mampu disewa oleh golongan B40 dan M40 dengan kos projek yang dianggarkan berjumlah **RM1.3 bilion**.
67. Bagi tahun 2023, sebanyak **RM68.8 juta** telah diperuntukkan untuk projek pembinaan rumah majlis ini. Projek tersebut adalah projek perumahan di Kg. Sg. Udang yang telah siap sepenuhnya, manakala 5 projek lagi masih dalam fasa

perancangan dan pembinaan iaitu projek perumahan di Jalan Selimang/Jalan Siakap Cheras, Taman Desa, Sungai Besi, Jalan Tasik Permaisuri dan Kuarters DBKL di Sentul.

68. Di samping itu, projek-projek pembangunan semula akan tertumpu pada pembinaan rumah majlis yang mampu disewa oleh golongan B40 dan M40 bagi menampung permohonan yang tinggi daripada golongan ini.

(Slide 18: Peruntukan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat)

69. Selain itu, DBKL turut menyediakan peruntukan berjumlah **RM252 juta** bagi memastikan Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat DBKL dapat dihuni oleh penduduk dengan lebih selesa (*increased liveability*).
70. Sebanyak **RM188.6 juta** daripada peruntukan mengurus diperuntukkan untuk pelaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan,

bayaran kontrak pembersihan dan yuran pengurusan, sewaan CCTV dan bayaran bil-bil utiliti untuk kawasan gunasama.

71. Di samping itu, peruntukan pembangunan berjumlah **RM63.4** juta turut diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek penggantian dan naik taraf lif, sistem elektrik dan pam, serta tangki air, bumbung dan paip utama.
72. DBKL memandang serius kejadian banjir kilat, dan air bertakung yang melanda Kuala Lumpur.
73. Intensiti hujan yang tinggi dalam tempoh masa yang amat singkat akibat perubahan iklim adalah antara sebab utama banjir kilat dan air bertakung melanda Kuala Lumpur. Selain itu, ia juga berkait rapat dengan sistem saliran dan perparitan sedia ada di Kuala Lumpur.
74. Pada awal Mei 2022, DBKL telah mengumumkan Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat KL 2022 yang meliputi langkah

tindakan jangka pendek dan jangka panjang.

75. Kami telah bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran WPKL untuk memantau situasi banjir kilat bagi menangani isu ini.
76. Pelaksanaan Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat KL 2022 termasuk kerja-kerja membaiki, melebar dan menambah bilangan *scupper drain* sedia ada bagi memudahkan aliran air mengalir terus ke sistem perparitan telah dijalankan.
77. DBKL juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang dengan lebih kerap supaya tiada sampah sarap dan daun-daun yang menghalang laluan air.
78. Usaha-usaha ini perlu diteruskan bagi memastikan isu ini ditangani dengan baik sepenuhnya.

79. Menyedari hakikat tersebut, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM67.8 juta** pada tahun 2023 bagi pengurusan sistem saliran dan perparitan bagi mengelakkan banjir kilat terus berlaku di Kuala Lumpur.
80. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM39.4 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai, penyelenggaraan kolam takungan banjir, penyelenggaraan rumah pam dan penyelenggaraan longkang besar.
81. Sebanyak **RM28.4 juta** pula diperuntukkan untuk melaksanakan projek mempertingkatkan sistem saliran dan perparitan, projek kolam takungan banjir, projek mitigasi banjir dan projek tebatan banjir.
82. Bagi memastikan perancangan dan kesiapsiagaan Kuala Lumpur dalam menghadapi banjir kilat, DBKL memerlukan dana yang lebih besar bagi melaksanakan projek-projek mitigasi banjir dan pihak kami

sedang memohon peruntukan tersebut daripada Kerajaan Persekutuan.

83. DBKL turut menyediakan peruntukan berjumlah **RM17.98 juta** di bawah program kebudayaan, kesenian dan sukan bagi memenuhi kehendak dan keperluan warga kota untuk beriadah dan berekreasi bagi mengekalkan gaya hidup sihat.
84. Kualiti fasiliti sukan sedia ada seperti padang bola dan hoki, gelanggang futsal, badminton dan bola keranjang serta gimnasium dan stadium akan ditingkatkan bagi menyediakan keselesaan untuk warga kota yang menggunakan fasiliti sukan tersebut.
85. Program Pagi Bebas Kenderaan Kuala Lumpur (KLCFM) akan diteruskan dengan pengisian aktiviti seperti berlari/berjogging, berjalan, berkerusi roda, *skateboard*, kasut beroda, skuter bateri dan aktiviti berbasikal. Selain itu, bagi menggalakkan semua lapisan warga kota mengamalkan gaya hidup sihat, program Senam Sihat atau

KULFIT juga akan diteruskan pada tahun 2023.

86. Di samping itu, pelbagai aktiviti seni dan budaya juga telah dirancangkan untuk tahun 2023. Antaranya adalah KL GENTA 2023, Festival Tari Kuala Lumpur, *KL Street Jam*, KL Chillax@Panggung Anniversary serta Seni Pementasan Teater.
87. DBKL juga komited kepada pembangunan sektor pelancongan Kuala Lumpur.
88. Kuala Lumpur mempunyai pelbagai produk pelancongan yang berpotensi tinggi termasuk *River of Life*, Jambatan Saloma Link, Kolam Biru, Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Dataran Merdeka, Kampong Bharu, Pasar Seni, Petaling Street dan Dataran Merdeka *Heritage Trail*.
89. DBKL menyediakan peruntukan sebanyak **RM2.9 juta** pada tahun 2023 bagi mempromosi produk-produk pelancongan Kuala Lumpur dan melaksanakan program

Accessible Mayor Award untuk penggiat industri pelancongan.

90. DBKL bercadang untuk menubuhkan Majlis Pelancongan pada peringkat DBKL dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan penggiat industri pelancongan di Kuala Lumpur untuk merancang serta melaksanakan inisiatif bagi memajukan sektor pelancongan Kuala Lumpur,

(Slide 22: Penutup)

Tuan-tuan dan puan-puan,

91. DBKL mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik dan sempurna. Kami akan memastikan setiap perbelanjaan bagi Belanjawan 2023 akan dilaksanakan secara berhemah.
92. Bagi memastikan suara rakyat lebih dekat dengan DBKL, mesyuarat antara Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur akan dilaksanakan setiap bulan dan disusuli dengan mesyuarat teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif DBKL sekurang-kurangnya dua kali sebulan.

93. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan media yang sentiasa bersama-sama DBKL dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada warga kota.
94. Kepada pasukan DBKL, teruskan tugas anda dengan penuh semangat, penuh akauntabiliti dan integriti.
95. Semoga kita terus dilindungi oleh Allah SWT dan semoga usaha kita dirahmati dan diper mudahkan olehNya.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sekian sahaja pembentangan saya bagi Belanjawan 2023.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,

Terima kasih.

